



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PROGRAM NATIONAL TECHNOLOGY & INNOVATION SANDBOX (NTIS) RAIH PENGIKTIRAFAN WSIS CHAMPION DI WORLD SUMMIT ON THE INFORMATION SOCIETY (WSIS) 2026, PERKUKUH KEDUDUKAN MALAYSIA SEBAGAI PENERAJU INOVASI SERANTAU

KUALA LUMPUR, 23 JULAI 2026 – Program National Technology and Innovation Sandbox (NTIS) telah dinobatkan sebagai **WSIS Champion** bagi Kategori 14: *Action Line C7. E-Science* dalam **World Summit on the Information Society (WSIS) Prizes 2026** yang berlangsung di Geneva, sekali gus mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju inovasi di rantau ini.

Pengiktirafan tersebut mencerminkan pendekatan strategik Malaysia dalam membangunkan ekosistem inovasi berasaskan konsep *living lab* yang merapatkan jurang antara pembangunan teknologi dan kesiapsiagaan pasaran. Diterajui oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan MRANTI sebagai sekretariat utama, NTIS telah berkembang sejak tahun 2020 daripada sebuah inisiatif perintis kepada antara tonggak utama ekosistem inovasi negara.

Program ini menyediakan platform berstruktur kepada penyelidik dan syarikat pemula (*startup*) untuk menguji serta mengesahkan teknologi berpotensi tinggi dalam persekitaran sebenar, di samping memastikan pematuhan kepada keperluan kawal selia dan kesiediaan untuk dikomersialkan. Berlandaskan pencapaian kukuh di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), NTIS kini terus memperkukuh usaha mempercepatkan inovasi, pengkomersialan dan penerimgunaan teknologi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13). Sejak diperkenalkan pada tahun 2020, program ini telah memudah cara nilai pengkomersialan melebihi **RM171.8 juta**, menyalurkan **RM147 juta** pembiayaan kepada **147 projek**, mewujudkan **388 peluang**

pekerjaan berpendapatan tinggi, menjana RM122.8 juta nilai eksport serta menghasilkan 39 harta intelek (IP) baharu.

Mengulas mengenai pencapaian tersebut, **Ketua Setiausaha MOSTI, YBhg. Dato' Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu** berkata, *"Pencapaian ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam meningkatkan daya saing syarikat teknologi tempatan. NTIS akan terus menjadi platform penting dalam menangani cabaran yang dihadapi syarikat pemula tempatan serta meningkatkan kadar pengkomersialan inovasi, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada teknologi luar dan memperkukuh keupayaan teknologi negara."*

Sementara itu, **Ketua Pegawai Eksekutif MRANTI, Encik Ashran Dato' Ghazi** berkata, *"Pengiktirafan sebagai WSIS Champion membuktikan kemajuan yang telah dicapai Malaysia menerusi NTIS. Program ini menunjukkan bahawa dengan ekosistem, sokongan kawal selia dan kerjasama strategik yang tepat, teknologi berpotensi mampu berkembang daripada peringkat penyelidikan kepada penyelesaian yang memberi impak sebenar. Kejayaan ini adalah hasil usaha bersama seluruh ekosistem inovasi negara yang terdiri daripada para inovator, rakan strategik dan agensi pelaksana."*

Kejayaan NTIS didukung oleh kerjasama erat pelbagai agensi yang diterajui oleh MRANTI sebagai sekretariat utama, dengan sokongan MIMOS, Futurise, Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) sebagai rakan pembiayaan, serta Innovation Acceleration Network (IAN). Setiap organisasi memainkan peranan saling melengkapi dalam memperkukuh aspek kesiapsiagaan kawal selia, pengesahan teknologi, pengkomersialan dan penyelarasan ekosistem, sekali gus mempercepatkan perjalanan inovasi tempatan daripada peringkat pembangunan ke pasaran.

Berlandaskan kejayaan ini, NTIS kini melangkah ke fasa seterusnya menerusi **Global Testbed & Sandbox Alliance (GTSA)** dengan memperluas tumpuan daripada pelaksanaan di peringkat nasional kepada kerjasama antarabangsa yang lebih menyeluruh. Inisiatif ini memperkukuh kerjasama rentas sempadan serta penyelarasan kawal selia bagi membolehkan inovasi Malaysia menembusi pasaran ASEAN dan global, di samping membuka peluang kerjasama secara langsung dengan badan-badan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), pembuat dasar antarabangsa dan ekosistem inovasi global.

#TAMAT#

Pautan ke Gambar :

https://drive.google.com/drive/folders/1fYszKDu9j_4OKDAqMxt6GxhnZdY59vkp

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

23 JULAI 2026

MENGENAI MRANTI

Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI) merupakan agensi pusat negara yang mempercepatkan pengkomersialan penyelidikan dan teknologi dengan menghubungkan kerajaan, industri dan institusi akademik bagi menterjemahkan inovasi kepada penyelesaian yang bersedia untuk pasaran.

MRANTI menyediakan sokongan menyeluruh merentasi keseluruhan kitaran hayat inovasi daripada pencetusan idea, pengesahan teknologi, sehingga pengembangan ke pasaran melalui pelbagai inisiatif termasuk MRANTI Park, sebuah hab inovasi seluas 686 ekar yang menawarkan infrastruktur bertaraf dunia serta ekosistem kolaboratif.

Dengan tumpuan kepada sektor seperti teknologi digital, bandar pintar, teknologi kesihatan (healthtech) dan kelestarian, MRANTI memainkan peranan penting dalam menyelaras ekosistem inovasi negara, memudah cara kerjasama strategik serta memacu agenda sains, teknologi dan inovasi Malaysia, di samping membantu inovator menembusi pasaran antarabangsa. Maklumat lanjut boleh didapati di <https://mranti.my/>.

Mengenai Program National Technology and Innovation Sandbox (NTIS)



National Technology and Innovation Sandbox (NTIS) mula diumumkan menerusi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) pada Jun 2020 sebelum dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri pada 19 Ogos 2020.

Program ini membolehkan penyelidik, inovator dan usahawan menguji produk serta perkhidmatan mereka dalam persekitaran sebenar (live environment) dan seterusnya melayakkan mereka memohon geran bagi membawa inovasi ke pasaran.

NTIS turut menyediakan fleksibiliti terhadap keperluan kawal selia tertentu bagi mempercepatkan pembangunan inovasi daripada peringkat penyelidikan dan pembangunan (R&D) kepada pengkomersialan. Dengan peruntukan awal sebanyak RM100 juta, NTIS diwujudkan bagi mempercepat aspirasi Malaysia untuk menjadi sebuah negara yang dipacu oleh inovasi.

Diterajui oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan MRANTI sebagai sekretariat utama, NTIS menyasarkan peningkatan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan Pendapatan Negara Kasar (PNK), memperkukuh keterangkuman sosial serta meningkatkan penyertaan, pelaburan dan kerjasama sektor swasta dalam aktiviti penyelidikan. Maklumat lanjut boleh didapati di <https://sandbox.gov.my/>.

Mengenai World Summit on the Information Society (WSIS) Prizes 2026

WSIS Prizes merupakan pertandingan antarabangsa yang mengiktiraf kejayaan cemerlang dalam pelaksanaan strategi pembangunan berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi menyokong pembangunan mampan.

Anugerah ini disampaikan merentasi 18 kategori yang sejajar dengan WSIS Action Lines, termasuk E-Science, E-Government, E-Business dan E-Environment, serta menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Sustainable Development Goals, SDGs).

Setiap tahun, pertandingan ini menerima ribuan penyertaan daripada kerajaan, sektor swasta, masyarakat sivil, organisasi antarabangsa dan institusi akademik dari seluruh



dunia. Melalui pengiktirafan terhadap pelbagai pihak berkepentingan dan individu di sebaliknya, WSIS Prizes mengiktiraf kecemerlangan global dalam memanfaatkan teknologi sebagai pemangkin kepada pembangunan yang inklusif dan mampan. Maklumat lanjut mengenai WSIS Prizes boleh didapati di <https://www.itu.int/net4/wsis/prizes>.

WSIS Prizes dianjurkan oleh International Telecommunication Union (ITU) dengan kerjasama rapat UNESCO, United Nations Development Programme (UNDP) dan United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD).



PRESS RELEASE

MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

NATIONAL TECHNOLOGY & INNOVATION SANDBOX (NTIS) ATTAINS CHAMPION STATUS AT WORLD SUMMIT ON THE INFORMATION SOCIETY (WSIS) 2026, DRIVING MALAYSIA'S RISE AS A REGIONAL INNOVATION LEADER

KUALA LUMPUR, 23 JULY 2026 – The National Technology and Innovation Sandbox (NTIS) has been named a Champion for Category 14: Action Line: C7. E-Science at the World Summit on the Information Society (WSIS) Prizes 2026 in Geneva, reinforcing Malaysia's position as a regional innovation leader.

This recognition reflects Malaysia's strategic shift toward a dynamic 'living lab' model, bridging the gap between innovation and market readiness. Spearheaded by the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) with MRANTI as lead secretariat, NTIS has evolved since 2020 from a pilot initiative into a cornerstone of Malaysia's innovation ecosystem.

The initiative provides a structured platform for researchers and startups to validate high-growth technologies, ensuring they are regulatory-compliant and commercially viable. Building upon the foundational achievements of the 12th Malaysia Plan (RMK-12), the NTIS programme continues to accelerate its momentum well into the 13th Malaysia Plan (RMK-13). Since 2020, NTIS has facilitated over RM 171.8 million in commercialisation value, distributed RM 147 million in funding to 147 projects, catalysed

388 high-income jobs, generated RM 122.8 million in export value, and secured 39 new Intellectual Properties.

Reflecting on the achievement, YBhg. Dato' Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Secretary General of MOSTI: "This achievement reflects our commitment to elevating the competitiveness of home-grown technology companies. NTIS will continue to serve as a vital platform, addressing challenges faced by local startups and increasing the volume of commercialised innovations, thereby reducing dependency on foreign technology and strengthening local capabilities."

According to Mr. Ashran Dato' Ghazi, Chief Executive Officer of MRANTI, "Recognition as a WSIS Champion validates Malaysia's progress through NTIS. We have demonstrated that with the right ecosystem, regulatory support, and partnerships, promising technologies can move from research to real-world deployment. This success belongs to the entire ecosystem of innovators, partners, and agencies that made this model possible."

The programme's success is underpinned by a collaborative multi-agency framework led by MRANTI as the lead secretariat, with key contributions from MIMOS, Futurise, MTDC as the funding partner, and the Innovation Acceleration Network (IAN). Together, these organisations play complementary roles in strengthening regulatory readiness, technology validation, commercialisation and ecosystem coordination, enabling Malaysian innovations to progress more effectively from development to market.

Building on this strong foundation, NTIS is now entering its next phase through the Global Testbed & Sandbox Alliance (GTSA), expanding its focus beyond national deployment towards greater international collaboration. The initiative strengthens cross-border partnerships and regulatory harmonisation, enabling Malaysian innovators to scale solutions across ASEAN and global markets while engaging directly with UN bodies, international policymakers and leading innovation ecosystems.

#END#

Link to pictures :

https://drive.google.com/drive/folders/1fYszKDu9j_4OKDAqMxt6GxhnZdY59vkp

Prepared by:

MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION
23 JULY 2026

ABOUT MRANTI

Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI) is Malaysia's central agency for accelerating the commercialisation of research and technology, serving as a bridge between government, industry, and academia to turn innovations into market-ready solutions. It provides end-to-end support across the innovation lifecycle from ideation and validation to scaling through several initiatives such as MRANTI Park, a 686-acre innovation hub offering infrastructure and collaborative ecosystems. With a strong focus on sectors like digital technologies, smart cities, healthtech, and sustainability, MRANTI plays a key role in coordinating the national innovation ecosystem, facilitating partnerships, and driving Malaysia's science, technology, and innovation agenda while supporting innovators to access global markets. For more information, please visit <http://mranti.my/>

About the NTIS Programme

The National Technology and Innovation Sandbox (NTIS) was first announced as part of the Short-Term Recovery Plan (PENJANA) in June 2020 and subsequently launched on 19 August, 2020 by the Prime Minister. A programme that allows researchers, innovators and entrepreneurs to test their products and services in a live environment and qualify for grants to bring those products and services to market. NTIS relaxes certain regulatory requirements to accelerate the development of innovation from the R&D stage to being commercially ready. With an RM100 million allocation, it was tasked

with fast-tracking the nation's aspiration to become an innovation-driven economy.

Spearheaded by the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI), with MRANTI as the lead secretariat, NTIS aims to create high-skilled job opportunities to increase Gross Domestic Product (GDP), Gross National Income (GNI) and social inclusion, as well as to enhance the participation, investment and collaboration in research by the private sector. For more information, please visit <https://sandbox.gov.my/>

About the World Summit on the Information Society (WSIS) Prizes 2026

The WSIS Prizes are a unique international contest recognising outstanding success in implementing development-oriented strategies that leverage the power of Information and Communication Technologies (ICTs). The prizes are conferred across 18 categories that directly align with the WSIS Action Lines—including E-science, E-government, E-business, and E-environment—and support the UN Sustainable Development Goals (SDGs). The WSIS Prizes competition receives thousands of project submissions each year from governments, private sector entities, civil society, international organisations, and academic institutions across the globe. Honouring diverse stakeholders and the people behind them, the WSIS Prizes recognise global excellence in utilising technology as an enabler of inclusive and sustainable development. Learn more about the WSIS Prizes at <https://www.itu.int/net4/wsis/prizes>.

The WSIS Prizes are organised by the International Telecommunication Union (ITU) in close collaboration with co-organisers including UNESCO, UNDP, and UNCTAD.